

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KARDIOPULMONARI RESUSITASI (CPR) DAN BUKU PANDUAN PENYELAMAT JANTUNG
Lokasi : INSTITUT JANTUNG NEGARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-07-1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada Institut Jantung Negara kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Program Kardiopulmonari Resusitasi (CPR) dan melancarkan Buku Panduan Penyelamat Jantung pada hari ini.

2. Kajian menunjukkan bahawa penyakit jantung adalah penyebab utama kematian di hospital-hospital Kerajaan di negara ini semenjak tahun 1980. Kematian disebabkan oleh penyakit jantung adalah antara 16 hingga 20 peratus daripada jumlah kematian. Pada tahun 1989, sejumlah 2,265 kematian dilaporkan akibat penyakit ini dan angka ini telah meningkat sebanyak 5.1 peratus pada tahun 1990 dan 10.02 peratus pada tahun 1992.

3. Berikutan keadaan yang agak serius ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kematian akibat penyakit jantung dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya. Antara langkah-langkah ini ialah dengan menubuhkan Institut Jantung Negara (IJN) yang bertujuan, antara lain, untuk memberi rawatan kepakaran kepada pesakit-pesakit jantung di samping berusaha mendidik orang ramai kepada usaha-usaha pencegahan.

4. Program Kardiopulmonari Resusitasi (CPR) ini adalah salahsatu daripada usaha-usaha tersebut yang telah dijalankan oleh Institut ini. Program ini amatlah berguna dan tepat pada asanya. Melalui program ini orang ramai didedahkan kepada kemahiran untuk mengenali tanda-tanda penyakit jantung dan juga mempelajari teknik-teknik ataupun kaedah untuk menyelamatkan mangsa atau mereka yang menghadapi serangan jantung (heart attack) ataupun jantung terhenti (cardiac arrest) dan sebagainya. Selain daripada itu, CPR juga boleh menyelamatkan mangsa-mangsa daripada mati akibat kelemahan, kejutan elektrik, tercekik, kemalangan jalanraya dan sebagainya.

5. Pengetahuan dan kebolehan melakukan CPR dengan sempurna boleh membantu dan memberi masa kepada mangsa-mangsa tersebut sementara menunggu bantuan rawatan lanjut tiba.

Kaedah yang amat mudah ini iaitu dengan menggunakan tangan dan mulut, amat penting diketahui oleh semua anggota masyarakat, daripada orang dewasa, penuntut sekolah menengah dan universiti, guru-guru hinggalah kepada suri-suri rumah yang sering berhadapan dengan kanak-kanak. Golongan ini adalah digalakkan untuk mempelajari cara-cara bagi memberi rawatan awal kepada kanak-kanak dan bayi sebelum rawatan yang lebih profesional dapat diberikan.

6. Saya mengucapkan tahniah kepada IJN di atas usahanya untuk mengadakan program-program CPR dan juga menyediakan kemudahan untuk mengajar kaedah CPR ini kepada orang ramai.

Saya juga difahamkan IJN akan dapat menyelaras dan membantu organisasi-organisasi atau badan-badan sukarela dalam mengendalikan latihan, di samping menilai dan mengesahkan keupayaan pelatih dan juga menubuhkan program CPR itu sendiri. Di samping itu, IJN juga difahamkan akan mewujudkan satu rangkaian maklumat (data base) kebangsaan khusus untuk para jurulatih CPR di mana para jurulatih boleh mendapat maklumat dan pengetahuan yang terkini mengenai teknik CPR.

7. Buku Panduan Penyelamat Jantung dalam Bahasa Malaysia ini akan dapat menerangkan secara komprehensif tentang kaedah dan teknik-teknik yang perlu dilakukan di dalam keadaan kecemasan ataupun ketika berhadapan dengan mangsa serangan penyakit jantung. Selama ini, buku-buku seperti ini adalah di dalam Bahasa Inggeris sahaja. Oleh yang demikian, penerbitan buku di dalam Bahasa Malaysia ini amatlah dialu-alukan.

8. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menyeru dan menggalakkan orang ramai agar berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran

mengendalikan CPR. Kebolehan dan kecekapan melakukan CPR ini mungkin dapat menyelamatkan orang yang tersayang daripada mati akibat serangan jantung.

Saya juga sekali lagi mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Institut Jantung Negara di atas pelancaran program CPR dan juga Buku Panduan Penyelamat Jantung ini.

9. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Kardiopulmonari Resusitasi (CPR) dan Buku Panduan Penyelamat Jantung.
